

Headline	Semua pekerja harus dilindungi Perkeso		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	18 Sep 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	5	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	413 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZARINA ABDULLAH	AdValue	RM 2,458
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,373



# Semua pekerja harus dilindungi Perkeso

ZARINA ABDULLAH

**KUCHING:** Menteri Sumber Manusia, M. Kulasegaran, berharap semua pekerja di pelbagai sektor di negara ini dilindungi oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Menurutnya, Perkeso adalah amat penting bagi memastikan semua pekerja dilindungi terutamanya jika berlaku sebarang kemalangan ketika bekerja.

**KENANGAN...** Menteri Sumber Manusia, M. Kulasegaran bergambar bersama penerima Faedah Hilang Upaya pada program Bersiri Kementerian Sumber Manusia, M. Kula Bertemu Pelanggan di Pasar Komuniti Stutong, Kuching. • Foto NURAZUA AYUNI AZAHARI

"Baru-baru ini, pihak kementerian kita ada memo-hon kepada Kementerian Kewangan supaya Perkeso boleh meliputi lebih ramai orang dan pekerja di negara ini termasuk golongan petani, nelayan dan lain-lain bidang."

"Adalah menjadi impian saya supaya satu hari nanti, semua pekerja di negara ini tidak kira dari bidang apa pun, supaya mereka semua dilindungi oleh Perkeso seperti yang telah diamalkan

oleh negara-negara maju lain di dunia."

"Yang mana 100 peratus pekerja mereka dilindungi oleh insurans yang diberikan oleh kerajaan negara mereka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapananya dalam Program Bersiri Kementerian Sumber Manusia bertemu Pelanggan bertempat di Pasar Komuniti Stutong, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, baru-baru ini, be-

liau telah berjumpa dengan Menteri Sumber Manusia dari beberapa negara lain dan beliau mempelajari beberapa sistem dan inisiatif baru yang boleh diaplakasikan di negara ini.

"Selain itu, Perkeso negara kita juga telah diajui sebagai antara yang terbaik dan paling proaktif di dunia, tetapi kita mahu Perkeso kita dapat membantu lebih ramai orang terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

"Saya juga menasihatkan semua pekerja termasuk pekerja sambilan memastikan majikan mereka mencarum kepada Perkeso kerana ia menyediakan bantuan dari segi perubatan dan kewangan kepada pekerja yang kebolehan mereka dikurangkan akibat kemalangan atau penyakit. Mereka juga memberikan bantuan kepada ahli tanggungan pekerja sekiranya kematian



**PENYAMPAIAN...** Menteri Sumber Manusia, M. Kulasegaran menyampaikan Faedah Hilang Upaya pada salah seorang penerima.

berlaku melalui penceran, " tegaskan.

Mengenai program Hari Bertemu Pelanggan, peringkat Kementerian Sumber Manusia, ia biasanya diadakan setiap hari Selasa bermula jam 8 pagi hingga 10 pagi di pejabat-pejabat kementerian di seluruh Malaysia.

Program tersebut merupakan salah satu inisiatif kementerian untuk mendengar, mengambil tindakan, dan menyelesaikan segala permasalahan yang dibawa-

kan orang ramai serta mengambil kira sebarang idea penambahbaikan bagi pengurusan sumber manusia demi kualiti hidup rakyat semakin meningkat.

Dalam program itu, orang ramai digalakkan hadir untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar-pakar setiap bahagian Kementerian Sumber Manusia dan antara permasalahan serta aduan yang sering diterima adalah tentang pemohonan pekerjaan dan pelbagai isu perburuan.

